

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15/3/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Tanam semula hutan bakau di Tanjung Tuan

berita harian  
15/3/2021  
8.

Kerajaan Melaka usaha pulihkan kawasan tercemar teruk dengan tumpahan minyak

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Kerajaan Melaka merancang melakukan penanaman semula hutan bakau di kawasan Tanjung Tuan selepas kesan pencemaran akibat sisa tumpahan minyak kapal dari Selat Melaka pada Oktober tahun lalu diberitahkannya.

Sebelum ini, kerja pembersihan sudah dilakukan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan berkaitan, namun sebahagian besar hutan bakau diemari sisa minyak yang melekat pada batang serta daun, mengakibatkan pokok bakau musnah.

Pengerusi Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abd Ghafar Atan, berkata isu sebahagian besar hutan paya bakau di Tanjung Tuan yang musnah akibat sisa tumpahan minyak itu akan ditangani segera.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan semua agensi dan jabatan berkaitan untuk memastikan hidupan di pesisir



**Siasatan isu sebahagian besar hutan paya bakau di Tanjung Tuan yang musnah akibat sisa tumpahan minyak itu akan ditangani segera.**

**Abd Ghafar Atan,**  
Pengerusi Perumahan,  
Kerajaan Tempatan  
dan Alam Sekitar negeri

pantai kembali pulih.

“Saya akan mengadakan perbincangan segera berhubung isi hutan bakau yang musnah ini dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dalam tempoh terdekat.



Keratan akhbar BH, semalam.

“Sudah pasti kita akan menamakan semula pokok bakau di kawasan itu selepas sisa minyak dibersihkan sepenuhnya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan muka depan BH semalam mengenai keadaan hutan pesisir pantai Tanjung Tuan, yang menjadi penampungan penting hakisan pantai di Melaka kini berada dalam situasi nazak dan dijangka bakal lenyap selepas sisa tumpahan minyak kapal dari Selat Melaka dikesan begitu banyak ‘mendarat’ dan amat su-

kar dibersihkan.

Jika gagal diselamatkan, ini bermakna hutan berstatus hutan simpan kekal bakal pupus berpunca daripada kecuacaan dan kegiatan manusia.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata kementerian akan bekerjasama dengan kerajaan Melaka menangani isu sisa tumpahan minyak kapal yang mengakibatkan hutan pesisir pantai Tanjung Tuan semakin nazak.